

Pastikan perkara dibentang dalam Bajet 2007 dilaksanakan

PUTRAJAYA 8 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Perbendaharaan perlu memastikan supaya perkara yang dibentangkan dalam Bajet 2007 dilaksanakan oleh semua agensi dan kementerian.

Menurut Perdana Menteri, biarpun Perbendaharaan sentiasa menghadapi tugas yang banyak, namun pelaksanaan perkara itu perlu dibereskan secepat mungkin.

"Ia adalah kerja yang berat tetapi kerjasama semua adalah baik. Apa yang penting ialah berkhidmat dengan cepat, melihat kepada kuantiti kerja dan ketepatan kerana itulah yang perlu dicapai sebagai penanda aras untuk tentukan kecekapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Bajet 2007: yang diadakan di Kementerian Kewangan, di sini malam tadi.

Majlis berkenaan diadakan bagi meraikan kakitangan agensi dan jabatan kerajaan yang bertungkus lumus menyiapkan Bajet 2007 yang dibentangkan pada 1 September lalu oleh Perdana Menteri.

Mengenai Bajet 2007 itu, Abdullah berkata, ramai orang yang menyatakan bajet pada kali ini cukup baik dan mengambil kira kepentingan semua golongan.

Ujarnya, bajet itu memberikan kebaikan yang paling banyak kepada golongan ibu bapa kerana tidak perlu membayar yuran untuk peperiksaan di sekolah menengah atau rendah.

"Ada yang sokong, ada yang puji. Ia paling diterima baik sekali. Jadi terima kasih kepada kakitangan yang terlibat dalam bajet ini yang sanggup bekerja walaupun pada Hari Kemerdekaan lalu.

"Mereka memberi sumbangan yang penting dan tinggi nilainya kepada kerajaan dan rakyat malah sanggup bekerja pada hari cuti umum," katanya.